



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN TUN FUAD STEPHENS “LEGASI HUGUAN SIOU MEMBINA NEGARA BANGSA”

KOTA KINABALU, 15 Jun – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan **Program Mengenang Negarawan Tun Fuad Stephens** bertajuk “**Legasi Huguan Siou Membina Negara Bangsa**”. Program ini telah dirasmikan oleh **YB Datuk Aaron Ago Dagang**, Menteri Perpaduan Negara sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2026 Peringkat Kebangsaan.

Program ini merupakan inisiatif penting **dalam memelihara memori sejarah negara serta menghargai jasa tokoh-tokoh yang telah mencorakkan perjalanan negara bangsa. Selain itu, program ini turut mengimbau sejarah, dan usaha kolektif dalam mengangkat dan menghargai jasa YABhg. Tun Mohd Fuad Stephens yang diiktiraf sebagai arkitek perpaduan, pemimpin rakyat dan negarawan** yang telah meletakkan asas penting kepada pembentukan Malaysia yang bersatu dalam kepelbagaian.

YB Menteri Perpaduan Negara dalam ucapan perasmiaannya berkata, Tun Fuad Stephens sebagai seorang **Huguan Siou atau Pemimpin Agung** bukan sahaja dihormati oleh masyarakat Kadazandusun, malah **menjadi jambatan perpaduan yang menyatukan pelbagai kaum di Sabah serta menghubungkan Sabah dengan Semenanjung dan Sarawak.** Gelaran ini melambangkan kepercayaan tinggi masyarakat terhadap kepimpinan beliau yang berteraskan integriti, keberanian dan keikhlasan dalam membina keharmonian tanpa mengira latar kaum, budaya mahupun agama.

“Perjuangan Tun Fuad Stephens dalam pembentukan Malaysia, pembangunan Sabah dan penyatuan rakyat pelbagai kaum telah menjadi asas penting kepada proses pembinaan negara bangsa. Sumbangan beliau kekal sebagai legasi yang menegaskan bahawa kekuatan sebuah negara lahir daripada perpaduan, saling menghormati dan kesediaan untuk bersatu demi masa depan bersama”, tambah beliau.

Pada masa yang sama, YB Datuk Aaron Ago Dagang turut menggesa supaya semua pihak menghayati dan meneruskan legasi Huguan Siou dalam kehidupan dan semoga semangat perjuangan Tun Fuad Stephens terus hidup dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Beliau juga menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk **melawat Memorial Negerawan yang terletak di Jalan Dato’ Onn, Kuala Lumpur** yang menempatkan koleksi dan bahan pameran berkaitan Tun Fuad Stephens serta mengambil iktibar dan menghayati nilai kepimpinan, ketokohan dan kewibawaan wira negara kita ini.

Kementerian Perpaduan Negara

15 Jun 2026

KPN.100-9/1/16 (56)

